

Soalan 1 hingga Soalan 21

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Pak Mail _____ jalanya yang koyak pada musim tengkujuh.
A mengait
B menjahit
C menenun
D menyirat

- 2 “Berikan _____ buku itu, Irman,” pinta Malek.
A kami
B kita
C aku
D hamba

- 3 _____ murid membawa bekalan yang disediakan oleh ibu mereka ke sekolah.
A Setengah
B Sekalian
C Beberapa
D Sesetengah

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Ibu sedang _____ seluar adik bongsu saya yang terkoyak.
- A menganyam
 - B menyulam
 - C menjahit
 - D menenun
- 5 “Apa _____ gcrangan nasib kita ini,” kata Hang Nadim kepada sahabatnya.
- A kah
 - B tah
 - C lah
 - D pun
- 6 Pekerja-pekerja di ladang biri-biri itu _____ bekerja walaupun hari telah beransur senja.
- A telah
 - B sudah
 - C belum
 - D masih
- 7 Puan Salmah menggantung potret keluarganya _____ dinding rumah di ruang tamu.
- A kepada
 - B pada
 - C di
 - D ke

- 8 Buku cerita itu sudah saya pulangkan kepada _____ yang sedang bertugas.
- A sasterawan
 - B negarawan
 - C pustakawan
 - D olahragawan

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



- 9 Nazira dan adiknya berjalan di atas titi itu dengan berhati-hati supaya tidak _____.
- A tergelincir
 - B tersungkur
 - C terjelepok
 - D terhumban
- 10 Di belakang rumah Pak Halim terdapat _____ pandan yang merimbun.
- A segugus
 - B serumpun
 - C sebatang
 - D sebaris

- 11 _____ hidupan laut merupakan sumber protein yang utama tetapi ada juga spesiesnya yang berbahaya dan mengancam manusia.
- A Dengan itu
 - B Walaupun
 - C Kalau begitu
 - D Selain itu

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



- 12 Sungguh _____ pergerakan yang ditunjukkan oleh para peserta dalam Pertandingan Seni Mempertahankan Diri itu.
- A tangkas
 - B licik
 - C ligat
 - D pantas
- 13 Rumah usang di tepi sungai itu _____ ditimpa pokok kelapa yang tumbang.
- A rebak
 - B rebah
 - C ranap
 - D retak

- 14 Tali ampaiian itu menjadi _____ apabila abang menyidai beberapa helai seluar panjangnya.
- A lendut
 - B labuh
 - C landai
 - D lentur
- 15 Kerja-kerja _____ di pelantar minyak itu tidak dapat dijalankan kerana cuaca buruk.
- A membaik pulih
 - B mengemas kini
 - C menyusun atur
 - D mencari gali
- 16 Daun cekur boleh digunakan untuk _____ penyakit seperti batuk dan jerawat.
- A dirawat
 - B merawat
 - C perawat
 - D rawatan
- 17 Hardi melayari internet untuk menyiapkan buku skrap itu _____ menunggu Lukman tiba _____ dia tidak suka membuang masa.
- A semenjak...demi
 - B semenjak...kerana
 - C sementara...selagi
 - D sementara...kerana
- 18 Pekerja itu _____ apabila disuruh membersihkan kawasan sekolah kerana dia sering memberikan pelbagai alasan.
- A seperti rusa masuk ke kampung
 - B seperti aur dengan tebing
 - C bagai kambing diseret ke air
 - D bagai menangguk di air keruh

19 Pak Majid memanggang _____ yang dipesan oleh pelanggannya.

- A onde-onde
- B agar-agar
- C epok-epok
- D otak-otak

20 Pak Harun mandi di sumur yang terletak tidak jauh dari rumahnya.

Perkataan seerti bagi sumur ialah...

- A parit
- B lopak
- C perigi
- D sungai

21 Kawasan lapang yang tandus itu diteroka untuk dimajukan.

Perkataan berlawan bagi tandus ialah...

- A kering
- B lembap
- C semak
- D subur

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 22
- I Azman dan rakan-rakannya melayari internet di kafe siber.
 - II Adik kelihatan comel apabila memakai mini tudung semasa ke tadika.
 - III Cikgu Amri menulis mutiara kata pada dinding kelasnya dengan kemas.
 - IV Juruteknik itu sedang membaiki pendingin hawa yang baharu di makmal.

- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C I dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

- 23 I Hubungan mereka menjadi rapuh semenjak pertengkaran itu.
II Zaki terjatuh dari pokok manggis kerana terpijak dahan yang rapuh.
III Suara Hani rapuh dan tersekat-sekat kerana kesejukan.
IV Keropok itu sungguh rapuh dan enak rasanya.
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

- 24 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Pertandingan lukisan itu terbuka kepada murid-murid yang berumur 12 tahun ke bawah.

- A Betulkah mereka yang berumur 12 tahun ke bawah boleh mengambil bahagian?
B Adakah murid-murid yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai pertandingan itu?
C Mengapakah pertandingan lukisan ini hanya terbuka kepada murid-murid yang berumur 12 tahun?
D Siapakah yang layak menyertai pertandingan lukisan itu?
- 25 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.*

Bilakah majlis Malam Kesenian itu akan dimulakan?

- A Majlis Malam Kesenian itu akan dimulakan pada pukul 9.00 malam.
B Majlis Malam Kesenian itu dihadiri banyak orang kenamaan.
C Majlis Malam Kesenian itu dirasmikan oleh Perdana Menteri.
D Pelbagai acara menarik diadakan sempena Majlis Malam Kesenian itu.

Soalan 26 hingga Soalan 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

- 26 “Kamu mesti menghantar buku Bahasa Malaysia itu dengan segera,” kata Cikgu Irfan kepada Anis.
- A Cikgu Irfan segera menghantar buku Bahasa Malaysia itu untuk Anis.
 - B Cikgu Irfan segera menyuruh Anis menghantar buku Bahasa Malaysia itu.
 - C Cikgu Irfan meminta Anis segera menghantar buku Bahasa Malaysia itu.
 - D Cikgu Irfan dan Anis segera menghantar buku bahasa Malaysia itu.
- 27 Telefon bimbit merupakan alat komunikasi yang sangat penting pada masa kini.
- A Alat komunikasi yang sangat penting pada masa kini ialah telefon bimbit.
 - B Pada masa kini manusia amat memerlukan telefon bimbit dalam kehidupan.
 - C Barang yang sangat diperlukan oleh manusia hari ini ialah telefon bimbit.
 - D Pada masa kini telefon bimbit menjadi alat yang sangat penting.

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih ayat yang betul.

- 28
- A Ibu meletakkan salai pisang itu di dalam almari.
 - B Amir pulang ke rumah bila selesai merumput di kebunnya.
 - C Zulhairi menghadiahkan sepasang baju Melayu kepada ayahnya.
 - D Kucing peliharaan Alia mati kerana dia dilanggar lori.

- 29
- I Tolong jangan pijak rumput di taman itu.
 - II Para peserta-peserta sedang beratur di luar dewan.
 - III Buku cerita yang baharu itu bukan kepunyaan adik saya.
 - IV Pemuda itu sangat gemar mengumpul duit syiling lama.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I dan IV sahaja
D III dan IV sahaja
- 30
- I Kita dikehendaki menghormati kedua-dua ibu bapa.
 - II Istana Seri Menanti teguh amat walaupun tidak menggunakan paku.
 - III Berbagai-bagai juadah disediakan oleh ibu untuk majlis kesyukuran itu.
 - IV Di dalam perbincangan itu, mereka bersetuju melantik Syamil sebagai ketua kelas.
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ahad, 13 Jun 2010

Aku tiba di Kuala Gula ketika hari sudah beransur senja. Aku berdiri di beranda rumah sewaan abang Syahir sambil menikmati pemandangan matahari terbenam yang berlatarbelakangkan kampung nelayan. Abang Syahir yang sudah sepuluh tahun menabur bakti di sebuah sekolah rendah di situ mengajak aku masuk untuk menjamu selera. Aku sungguh berselera apabila melihat hidangan di depan mata. Abang Faizal, teman serumah abang telah menyediakan masakan istimewa untuk makan malam. Aku makan dengan *lahap* sekali.

Isnin, 14 Jun 2010

Aku dikejutkan dengan bunyi deruan enjin bot para nelayan. Dari bilik, aku dapat melihat nelayan keluar ke laut untuk mencari rezeki. Selepas bersarapan, abang Syahir menyewa bot Encik Farid kenalnya di kampung itu. Encik Farid telah membawa kami melawat kawasan hutan bakau di Kuala Gula. Kelebihan kawasan hutan bakau ini telah menjadi destinasi persinggahan burung-burung bermigrasi. Aku dapat melihat pelbagai spesies burung yang hinggap di atas pepohon bakau menggunakan teropong.

Selasa, 15 Jun 2010

Aku turut dibawa meninjau ke jeti lama tempat nelayan mendaratkan hasil tangkapan. Abang Syahir membeli beberapa ekor ikan segar untuk hidangan tengah hari itu. Aku juga sempat melihat proses pembuatan ikan dan udang kering yang dilakukan secara tradisional. Aku tidak melepaskan peluang untuk membeli beberapa jenis produk yang diperbuat daripada hasil laut untuk dibawa pulang ke Kuala Lumpur. Tepat jam 3.30 petang aku bertolak pulang. Jika berpeluang, aku ingin datang ke sini lagi pada cuti persekolahan akan datang.

- 31 Apakah pekerjaan abang Syahir?
- A Nelayan
 - B Pendidik
 - C Pengusaha
 - D Penjual
- 32 Mengapakah penulis menghabiskan masa cutinya di Kuala Gula?
- A Mengenali pelbagai jenis burung
 - B Mempelajari cara-cara hidup nelayan
 - C Menikmati makanan yang dihidangkan di situ
 - D Melihat dengan lebih dekat kawasan paya bakau
- 33 Apakah keistimewaan kawasan hutan paya bakau Kuala Gula?
- A Tempat persinggahan burung-burung
 - B Proses pembuatan hasil-hasil laut
 - C Hutan bakau yang terpelihara
 - D Destinasi pelancongan
- 34 Kata *lahap* dalam petikan bermaksud...
- A kenyang.
 - B gopoh.
 - C gelojoh.
 - D perlan.
- 35 Pilih pernyataan yang benar berdasarkan petikan.
- A Encik Farid merupakan teman serumah abang Syahir.
 - B Penulis menaiki bot untuk melawat sekitar kawasan Kuala Gula.
 - C Proses pembuatan ikan dan udang kering dijalankan secara moden.
 - D Penulis pulang ke Kuala Lumpur sebelum jam 3.30 petang.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Guruku,
kaulah insan yang kukagumi,
sejak kupandai menyebut namamu,
kau tak pernah jemu,
menabur bakti untuk kami.

Guruku,
kaulah insan mulia,
rela berkorban apa sahaja,
demi kami, anak-anak bangsamu,
yang perlukan ilmu.

Guruku,
terima kasih untukmu,
kerana mendidikku,
menjadi manusia berilmu,
menjadi manusia berakhlak mulia,

Guruku,
budimu dapat kunilai,
kau kukenang sepanjang masa.

- 36 Kita mendapat didikan daripada guru sejak...
- A dilahirkan ke dunia.
 - B mendapat pelajaran.
 - C mula bersekolah.
 - D mengenal guru.
- 37 Tugas seorang guru dianggap mulia kerana...
- A berkorban untuk mendidik anak bangsanya.
 - B menabur bakti kepada semua orang.
 - C menjalankan tugas semasa di sekolah.
 - D pandai menyebut nama anak didiknya.
- 38 Bagaimanakah keadaan hidup orang yang berpelajaran?
- A Sukar mendapat kawan
 - B Sering mengalami kesusahan
 - C Menjadi manusia berilmu dan berakhlak
 - D Tidak dapat menghadapi cabaran hidup dengan mudah
- 39 Kita dapat membalas jasa guru dengan cara...
- A memberikan didikan kepadanya.
 - B memberikan bantuan dengan ikhlas.
 - C memberikan wang kepadanya.
 - D mengucapkan terima kasih.
- 40 Pada pendapat kamu, frasa *anak-anak bangsa* dalam puisi di atas ialah...
- A guru-guru.
 - B murid-murid.
 - C guru dan murid.
 - D ibu bapa.

KERTAS SOALAN TAMAT